



سکولہ منقہ کبچسان سری فاکھی

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI PAGI

Taman Seri Pagi,  
70450 Seremban,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tel : 06-6789785  
Faks : 06-6789290



Bil.Kami : SMKSP-600-4/1/2(33)  
Tarikh : 19 September 2022

Kepada  
Ibu bapa / Penjaga Pelajar  
Tingkatan 5,  
SMK Seri Pagi.

Tuan,

### PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5 TAHUN 2022

Adalah dengan hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman tuan/puan berikut di senaraikan tarikh bagi Takwim Program Peningkatan Akademik Tingkatan 5 tahun 2022.

BIL	PERKARA	TARIKH PELAKSANAAN
1.	UJIAN LISAN BAHASA TAMIL	20 SEPTEMBER 2022
2.	UJIAN TILAWAH QURAN HADIS	20 – 23 SEPTEMBER 2022
3.	UJIAN BERTUTUR BAHASA MELAYU	7 – 9 NOVEMBER 2022
4.	UJIAN MENDENGAR BAHASA MELAYU	10 NOVEMBER 2022
5.	UJIAN BERTUTUR BAHASA INGGERIS	14 – 16 NOVEMBER 2022
6.	UJIAN MENDENGAR BAHASA INGGERIS	17 NOVEMBER 2022
7.	UJIAN AMALI SAINS	8 DISEMBER 2022
8.	UJIAN BERTULIS PPAT5	21 NOVEMBER – 7 DISEMBER 2022

3. Sehubungan dengan itu, semua pelajar tingkatan 5 wajib hadir mengikut takwim yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah bagi melaksanakan pentaksiran ini. Calon yang tidak menduduki mana-mana instrumen pentaksiran akan dianggap **TIDAK HADIR** bagi mata pelajaran berkenaan. **TIADA ULANGAN** pentaksiran bagi pelajar yang tidak hadir bagi ujian-ujian yang akan dilaksanakan.

4. Sekiranya murid tidak dapat hadir pada tarikh tersebut disebabkan sakit berpanjangan, kuarantin atau kemasukan wad, tuan/puan hendaklah menulis surat kepada pihak sekolah serta bukti daripada pihak klinik/hospital untuk memaklumkan kepada kami berkenaan ketidakhadiran anak tuan/puan. Murid masih diberi kebenaran untuk menduduki ujian ini dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah.

5. Kerjasama dan keprihatinan tuan/puan amat dihargai. Segala kesulitan amat dikesali.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menandatangani